


Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.

Kereta (unit)



Rajah 1

Jelaskan kombinasi pengeluaran pada titik Y.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi yang diamalkan oleh sebuah negara.

Negara X firma bebas bersaing tetapi kebebasan dikawal melalui sistem cukai dan subsidi.

- (i) Tentukan sistem ekonomi di negara X.


[1 markah]

- (ii) Terangkan peranan kerajaan dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi bagi negara tersebut.

[4 markah]

- (c) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan hukum penawaran bagi suatu barang.

- (d) Rajah 2 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti ditawar bagi suatu barang.



Rajah 2

- (i) Hitung nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut.

[2 markah]

- (ii) Bersetujukah anda bahawa barang tersebut adalah penawaran anjal?

Beri alasan.

[3 markah]

2

Halim : Cikgu, selepas tamat SPM nanti saya mahu membuka akaun simpanan.

Guru : Bagus Halim. Kamu boleh ke mana-mana bank perdagangan untuk membuka akaun baru. Banyak kelebihan yang akan kamu nikmati nanti.

Halim : Baik cikgu.

- (a) Jelaskan kelebihan jenis akaun yang dipilih oleh Halim.

[6 markah]

Farisah telah memenangi Cabutan Sijil Simpanan

Premium BSN sebanyak RM 1 juta.

- (b) Jelaskan strategi simpanan lain yang boleh digunakan oleh Farisah dengan wang yang dimenanginya untuk menggandakan wangnya?

[4 markah]

(c) Jadual 1 menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Bilangan Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Marginal (unit)
0	0	-	-
1	10	10	10
2	22	11	12
3	36	X	14
4	49	10.8	Y

Jadual 1

Hitungkan :

(i) Nilai X.

[2 markah]

(ii) Nilai Y .

[2 markah]

- (d) Terangkan faktor yang mempengaruhi produktiviti sesebuah firma?

- 3 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu krisis ekonomi di Malaysia.


**93 kilang tutup operasi sejak 2018 hingga 2022,
Dewan Rakyat diberitahu**

Dalam tempoh sama, lebih 17,000 pekerja kilang terpaksa diberhentikan.

Sumber: Ubah suai : Bharian: 12 Mac 2023

Jelaskan kesan tersebut kepada pekerja yang terlibat.

- (b) Rajah 3 berkaitan dengan suatu situasi ekonomi.



Rajah 3

Bagaimakah peningkatan kadar faedah atas pinjaman dapat mengatasi situasi ekonomi di atas?

[4 markah]

- (c) Maklumat di bawah berkaitan dengan sekatan perdagangan antarabangsa.

Cukai Kereta Import yang terlalu tinggi adalah dasar kerajaan Malaysia yang ingin melindungi Proton sehingga “memaksa” rakyat Malaysia hanya mampu membeli kereta keluaran Proton atau Perodua sahaja.

Mengapakah sekatan di atas masih terus dilaksanakan oleh kerajaan?

[4 markah]

- (d) Jadual 2 menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Amerika (USD) bagi tempoh Januari 2023 – Jun 2023

Jumlah		Ditukarkan kepada
1	USD ↗	4.65 MYR ↘

JANUARI 2023

Jumlah		Ditukarkan kepada
1	USD ↗	4.80 MYR ↘

JUN 2023

Jadual 2

- (i) Tentukan keadaan kadar pertukaran pada Jun 2023 berbanding Januari 2023.

[1 markah]

- (ii) Hitung nilai Ringgit Malaysia (RM) yang diperlukan oleh seorang pelajar Malaysia untuk membayar yuran pendaftaran universiti pada bulan Januari 2023 yang berjumlah USD10, 000.

[2 markah]

(iii) Jelaskan kesan keadaan pada (d) (i) terhadap eksport Malaysia.

[3 markah]

Bahagian B**[40 markah]****Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini****4****Maklumat berikut berkaitan dengan bekalan telur di pasaran.**

KOTA BHARU - Kekurangan bekalan telur ayam dalam negara ketika ini adalah berpunca daripada kegiatan penyeludupan ke negara jiran iaitu Thailand. Oleh itu, kerajaan perlu menangani aktiviti penyeludupan ini agar bekalan telur ayam tidak terus berkurang.

Sumber: Ubah suai: sinarharian.com.my, 06 November , 2022

- (a) Barang dalam situasi tersebut adalah barang kawalan.

Jelaskan.

[5 markah]

- (b) Situasi di atas memberi impak kepada peniaga makanan.

Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

- (c) Bagaimakah kerajaan menangani situasi tersebut daripada

berterusan.

[6 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan permintaan beras tempatan

KUALA LUMPUR: Kenaikan harga beras putih import memberi manfaat kepada industri padi dan beras negara kerana ia telah mendorong peningkatan permintaan pengguna kepada beras putih tempatan, kata Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood.

Beliau berkata, kenaikan harga beras putih import di seluruh negara susulan penyelarasan harga yang dibuat oleh Padiberas Nasional Bhd (BERNAS). Tindakan ini menyebabkan pengguna kini lebih cenderung membeli beras putih tempatan yang dijual pada harga dikawal iaitu sekitar RM2.60 sekilogram atau RM26 sekampit.

Sumber : Ubahsuai: Berita Harian, 4 September 2023

- (a) Perubahan harga beras putih import menyebabkan peningkatan permintaan pengguna.

Jelaskan

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan perubahan harga beras putih import kepada pasaran beras tempatan?

[7 markah]

- (c) Bersetujukah anda dengan tindakan BERNAS?

Jelaskan.

[9 markah]

6

Maklumat berikut menunjukkan situasi harga pasaran barang dan pandangan dua individu terhadap kos hidup yang dihadapi.

Kuala Lumpur : Peningkatan hampir semua barang keperluan termasuk bukan kawalan menyebabkan pengguna yang sudah terkesan dengan kos sara hidup tinggi masa ini semakin terbeban.

Individu P : Peniaga kuih tradisional

Perniagaan semakin merosot teruk, harga tepung naik kepada lebih RM70 seguni berbanding dulu baru RM42 saja

Individu Q : Suri rumah 5 anak

Harga barang keperluan seperti susu formula, lampin pakai buang, kelengkapan dan peralatan sekolah anak semakin meningkat. Saya berharap kerajaan dapat mengawal harga keperluan ini kerana kami rasa terbeban dengan kenaikan harga barang sekarang.

Sumber: *ubahsuai hmetro.com.my 15Julai2023*

(a) (i) Apakah situasi ekonomi dalam maklumat tersebut?

[1 markah]

(ii) Jelaskan kesan situasi pada (a)(i) kepada:

(a) Individu P [3 markah]

(b) Individu Q [3 markah]

(b) Bagaimakah kerajaan dapat merealisasikan harapan individu Q.

[4 markah]

(c) Cadangkan cara yang boleh membantu individu di atas mengharungi kehidupan yang lebih baik dalam situasi ekonomi pada (a) (i)
Perincikan cadangan anda.

[9 markah]

7

Maklumat berikut berkaitan dengan trend percutian rakyat Malaysia.

Trend bercuti ke luar negara menyaksikan lebih banyak aliran keluar mata wang ringgit Malaysia (RM) dibimbangi memberi kesan buruk dalam jangka masa panjang. Hal itu didorong apabila ramai rakyat Malaysia kini mengambil kesempatan bercuti ke Thailand berbanding memanfaatkan masa yang ada untuk sektor pelancongan domestik di negara ini. Dalam keadaan nilai ringgit dibuka rendah berbanding dolar Amerika Syarikat (AS\$), ini bukanlah satu petanda baik selain 100 baht kini hanya bernilai RM12.32, semakin rendah.

Sumber Ubah suai : Utusan Online, 18 September 2022

- (a) (i) Jika anda merupakan salah seorang pelancong yang terlibat, berapakah nilai Baht yang diperolehi jika anda membawa RM5 000 sepanjang berada di sana.

[1 markah]

- (ii) Jelaskan komposisi dagangan yang terlibat.

[4 markah]

- (b) Bersejukkah anda dengan trend rakyat Malaysia dalam situasi tersebut?

Beri alasan.

[9 markah]

- (c) Cadangkan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menekan trend tersebut dari berterusan.

[6 markah]